

BN tolak sebarang bentuk ekstremisme — Dr. M

11. JUN 1994

Oleh
G. MANIMARAN dan SHEAH WEN YAN

(C)
KUALA LUMPUR 18 Jun — Barisan Nasional (BN) menentang sebarang bentuk ekstremisme di negara ini kerana ia tidak sesuai dengan keadaan negara yang berbilang kaum dan agama, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia aman dan stabil serta maju dan makmur adalah kerana dasar dan pendekatan yang dijalankan oleh kerajaan BN.

“Bagi Malaysia kita menentang sekeras-kerasnya sebarang bentuk ekstremisme. Ekstremisme sama ada dalam bentuk perkauman atau keagamaan tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA di sini. Turut hadir pada majlis tersebut ialah pemimpin-pemimpin parti komponen BN.

Jelas Dr. Mahathir lagi, keharmonian dan perpaduan kaum adalah merupakan asas utama kepada kestabilan negara ini.

“Asas ini hendaklah sentiasa dipelihara. Janganlah ada pihak yang cuba menggugat kestabilan yang kita sama-sama wujudkan selama ini dengan menimbulkan isu-isu sen-

sitif yang berbau perkauman atau agama.

“Jika ini berlaku, semua kejayaan yang kita capai akan hancur,” katanya.

Sehubungan itu Pengerusi BN itu meminta rakyat terus memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) demi kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan BN bersikap adil kepada semua kaum dan mengutamakan kepentingan rakyat dan negara.

“Hasilnya sepertimana yang kita maklum dan yang dapat dilihat oleh dunia, tiada rusuhan kaum berlaku dan negara aman dan makmur.

“Kerajaan BN telah diuji dan telah membuktikan bahawa ia dapat memenuhi kehendak dan aspirasi semua kaum di negara ini,” kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, pemimpin-pemimpin BN bukan sahaja terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab dan berkemampuan menjalankan tugas dan memberi perhatian serius terhadap kepentingan semua rakyat serta mengutamakan kepentingan negara.

“Lebih penting, pemimpin-pemimpin BN tidak keterlaluan, sebaliknya terdiri daripada mereka yang bersikap sederhana,” katanya.

Tambah Perdana Menteri, kejayaan Malaysia dalam berbagai-bagai bidang telah menarik perhatian du-

nia dan banyak negara yang ingin belajar daripada negara ini.

Dalam pada itu kata beliau, terdapat segelintir pihak yang kurang senang hati dengan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia lalu memburuk-burukkan negara ini dengan mendakwa kononnya tiada demokrasi, tidak adil, tidak menghormati hak-hak asasi manusia dan lain-lain lagi.

“Yang lebih mengecewakan ialah ada ahli-ahli parti politik pembangkang di Malaysia yang terpengaruh atau turut sama dengan usaha-usaha memburuk-burukkan Malaysia.

“Mereka turut memberikan maklumat-maklumat yang tidak betul. Kita sedar bahawa ada individu-individu tertentu dan ahli-ahli politik daripada parti lawan turut memburukkan Malaysia melalui temuramah mereka dengan media asing,” katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, antara lain golongan tersebut menuduh bahawa tidak ada kebebasan bersuara di negara sedangkan mereka bebas menyuarakan pendapat dan memberi maklumat yang palsu.

“Kita amat kecewa dengan tindakan mereka ini. Ahli-ahli parti pembangkang ini sebenarnya mengkhianati negara sendiri,” katanya.

Lihat muka 2 →

DARI MUKA 1

11. JUN 1994

BN tolak sebarang bentuk ekstremisme

Kata beliau, sikap tersebutlah yang membezakan di antara anggota BN dengan parti-parti lawan.

Menurutnya, kerajaan di bawah BN berusaha membangunkan negara, mempertahankan keharmonian dan keamanan negara.

Sebaliknya kata beliau, parti-parti lawan tidak ada sebarang program untuk kebaikan negara melainkan menolak kenyataan dan menidakkan pencapaian negara.

Perdana Menteri juga mendedahkan pendirian pihak pembangkang selain memburukkan negara sendiri, mereka juga tidak bersetuju sekiranya kerajaan dengan lantang menegur keburukan negara-negara lain.

“Mereka juga sanggup memfitnah negara mereka sendiri kononnya apabila Malaysia menghantar tenteranya untuk berkhidmat dengan Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina, kita menolong puak Serb.

“Sebaliknya mereka tidak membuat apa-apa pun untuk orang Bosnia yang ditindas,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan akan menyuarakan pandangan dan pendapat terhadap isu-isu yang melibatkan Malaysia dan negara-negara membangun berdasarkan kepada prinsip.

Kata beliau, Malaysia berbuat demikian atas dasar sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan beribawa.

“Sayugia ditegaskan bahawa bukanlah niat Malaysia untuk menonjolkan dirinya apabila ia menyuarakan sesuatu,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga menegur kerana ada beberapa perkara yang dibuat oleh Barat yang bertentangan dengan kepentingan-kepentingan negara membangun.

Mengenai dakwaan bahawa Malaysia berani bersuara kerana kedudukan ekonominya kukuh, kata Dr. Mahathir, ia adalah tidak benar.